

25 APR 2000

EKONOMI-SELATAN THAI

KERAJAAN MALAYSIA TERUS BANTU WILAYAH SELATAN THAI

NARATHIWAT (SELATAN THAI), 25 April (Bernama) -- Kerajaan Malaysia akan meneruskan usaha membantu membangunkan ekonomi empat buah wilayah Selatan Thai

-- Narathiwat, Pattani, Songkhla dan Yala, sebagai sebahagian daripada usaha dan langkah untuk membantu negara jiran itu.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, kerajaan pada masa ini telah memberikan beberapa bentuk bantuan antaranya melatih belia-belia daripada wilayah itu terutama dalam sektor perindustrian.

"Kerajaan selepas ini kemungkinan mengkaji menubuhkan sebuah sekretariat pelaburan bagi membantu melancarkan kerjasama antara usahawan Malaysia dan Wilayah Selatan Thai dalam beberapa bidang perniagaan," katanya kepada pemberita di sini pada akhir lawatan rasminya selama dua hari ke wilayah ini yang berakhir hari ini. Narathiwat terletak 125 Km ke utara Kota Baharu.

Yang turut membuat kunjungan rasmi itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Mohamed Nazri berkata kerajaan dan kementeriannya akan sentiasa cuba membantu Wilayah Selatan Thai itu, sebagai sebahagian daripada program membantu penduduk wilayah itu yang majoritinya adalah penganut Islam, menjelang pelaksanaan Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT).

"Ini adalah pendekatan yang kita gunakan untuk membantu dan memakmurkan negara jiran kerana kita beranggapan apa yang berlaku kepada negara jiran kesannya akan berlaku juga kepada kita seperti semasa kegawatan ekonomi yang bermula di Thailand, akhirnya turut menjejaskan Malaysia," katanya.

Nazri berkata beliau mendapati Wilayah Selatan Thai seperti Narathiwat mempunyai prospek bagi pembangunan industri kerana mempunyai pelbagai kekayaan hasil bumi selain harga tanah yang murah.

"Selama ini pelabur Malaysia telah mengabaikan prospek di wilayah ini kerana beranggapan negeri-negeri di Malaysia mempunyai segala yang ada di Narathiwat, sebaliknya ianya tidak benar," katanya.

Menurutnya pelabur di Malaysia sebenarnya tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai sumber-sumber asli bagi pembangunan ekonomi di wilayah ini yang antaranya ialah tenaga kerja, tanah yang murah bagi tapak kilang serta bahan mentah yang belum dieksploitasi.

"Saya baru dapat tahu di Sungai Padi (di sini) ada tanah putih yang berkualiti iaitu bahan mentah utama bagi kegunaan industri seramik, yang tidak didapati di sini," katanya.

Menurutnya begitu juga tiada kilang perabot dibuka walaupun terdapat banyak kayu getah di sini selain tiada industri yang berasaskan nilai ditambah.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihati pelabur tempatan untuk merebut peluang yang ada bagi kepentingan bersama.

Mohamed Nazri berkata eksport Malaysia ke Thailand semakin meningkat dan pada 1999 iaitu berjumlah AS\$2.6 bilion manakala import Thailand adalah AS\$2.5 bilion.

Barangan eksport utama negara ialah "Alat-alat dan Aksesori bagi Mesin Pejabat (26 peratus), "Alat-alat Semikonduktor dan Litar Bersepadu (15.6 peratus) dan "Minyak Petroleum" (12.5 peratus) manakala import utama dari

Thailand melibatkan barangan pertanian.

Mohamed Nazri berkata bagi mempercepatkan proses pelaburan itu, beliau mencadangkan supaya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kelantan dan beberapa persatuan perniagaan lain di Malaysia untuk berbincang dengan persatuan perniagaan di Narathiwat sebagai tanda permulaan hubungan ekonomi dan beliau akan membuat susulan.

Beliau juga mengakui sekiranya terdapat sokongan daripada kerajaan pusat kedua-dua negara itu ianya akan dapat "memperhebatkan lagi dagangan dua hala ini".

Terdahulu, pada lawatan itu Naib Gabenor Wilayah Narathiwat Pracha Taerat menyerahkan kepada Mohamed Nazri seramai 104 belia daripada wilayah Selatan Thai yang akan menjalani latihan selama setahun di beberapa pusat Giat Mara di negara ini dan Institut Kemahiran Mara dalam beberapa bidang perindustrian.

Program latihan itu memasuki tahun kedua setelah ianya dimulakan tahun lepas membabitkan kumpulan perintis seramai 45 orang, yang kini telah tamat latihan dan balik ke kampung halaman masing-masing..

Berhubung program itu, Mohamed Nazri berkata ianya bertujuan untuk membantu para belia wilayah ini memperolehi sedikit kemahiran dalam bidang perindustrian yang boleh diguna apabila wilayah itu menerima banyak pelaburan dan pembinaan kilang hasil daripada IMT-GT.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai mengenai kejayaan (program) kita itu dan mereka menghargai kerajaan Malaysia dan meminta kita menambahkan bilangan pelatih itu, termasuk mengambil mereka yang bukan Islam juga."

"Kita sambut baik saranan Perdana Menteri Thai dan kita akan menambahkannya dari masa ke semasa," katanya.

Mohamed Nazri berkata dalam memilih pelatih bukan Islam, pihaknya mengalami masalah untuk mendapatkan mereka mampu menguasai bahasa Melayu selain sedikit bahasa Inggeris, seperti yang diperlukan bagi menjayakan kursus itu.

-- BERNAMA

RAR OS